

21 JUN 1998

UMNO-Perhimpunan (rangkuman)

KEGAWATAN EKONOMI TAK GUGAT MAHATHIR DAN PERPADUAN UMNO

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Kegawatan ekonomi yang pada mulanya dijangka menggugat kepimpinan Presiden UMNO dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan keutuhan parti menjadi sebaliknya, mendorong ahli-ahli merapatkan barisan dan berdiri teguh di belakang kepimpinannya.

Isu "nepotisme dan kronisme" yang lantang disuarakan Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi sehari dua menjelang perhimpunan yang dijangka media asing dan diiyakan oleh pemerhati politik tempatan sebagai petanda anggota-anggota mahukan "reformasi" kepimpinan dalam parti, juga ternyata meleset.

Isu itu yang dibahaskan secara terbuka pada persidangan Pemuda dan perhimpunan mulai reda begitu saja apabila Dr Mahathir dalam ucapan dasar presiden pada perhimpunan agung itu pada hari Jumaat mendedahkan muslihat kuasa asing hendak menguasai ekonomi dan politik negara-negara sedang membangun seperti Malaysia dengan menyerang mata wang dan pasaran saham.

Presiden parti selama hampir 17 tahun itu memberi amaran kepada anggota dan pemimpin parti jangan terpengaruh dengan istilah-istilah asing seperti nepostime dan kronisme yang digunakan oleh media mereka untuk kepentingan agenda mereka.

Dr Mahathir pada hari kedua perhimpunan semalam mengeluarkan dua senarai nama penerima lebih 300 projek penswastaan yang disiarkan oleh media massa tempatan.

Rata-rata perwakilan dan pemimpin parti itu hari ini menyambut baik langkah yang belum pernah dibuat itu yang dianggap berani dan terbuka untuk membuktikan kerajaan sebenarnya tidak pilih kasih dan mengutamakan suku sakat sahaja dalam pengagihan kekayaan negara.

Anwar dalam ucapan perasmian persidangan Pemuda dan Wanita serentak sehari sebelum perhimpunan agung parti Khamis lepas menyeru ahli-ahli UMNO merapatkan saf dan menyokong kepimpinan Dr Mahathir pada mulanya diterima perwakilan secara berhati-hati.

Barangkali merasa para perwakilan masih ragu-ragu bahawa itu cuma "pernyataan politik" Anwar meyakinkan lagi pada sidang akhbar bersama presiden Jumaat lepas bahawa beliau tidak akan bertanding jawatan presiden dan Dr Mahathir pula berkata beliau akan menyokong Anwar sebagai timbalannya.

Media asing terutamanya memberi gambaran kononnya percanggahan pendapat dan pendekatan wujud antara Dr Mahathir dan Anwar dalam menangani masalah kewangan dan pasaran saham yang merobek mata wang ringgit sejak hampir setahun lalu lebih-lebih lagi menjelang perhimpunan agung parti.

Ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir perhimpunan agung Anwar mengambil masa yang panjang untuk menjelaskan kepada perwakilan mengenai kenyataan-kenyataannya berhubung langkah mengatasi kegawatan ekonomi yang ditafsir oleh media asing kononnya bercanggah dengan pendirian Dr Mahathir.

"Tidak ada perbezaan pendapat antara saya dan Dr Mahathir dari segi prinsip," katanya disambut tepukan para perwakilan.

Anwar antara lain menjelaskan kenyataannya di persidangan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia di Hong Kong September tahun sudah mengenai perdagangan mata wang yang dilaporkan oleh media asing sebagai bercanggah.

"Dia (Dr Mahathir) kata sistem perdagangan mata wang harus dikaji semula manakala saya pula berkata struktur perdagangan mata wang harus dikaji semula. Maknanya sama sahaja," katanya.

Kenyataan Naib Presiden Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa beliau tidak bertanding jawatan timbalan presiden dan menyokong Anwar sebagai timbalan juga menyumbangkan kepada perpaduan parti.

Cadangan perwakilan dari Kedah dan Selangor supaya jawatan presiden dan timbalan tidak dipertandingkan juga mendapat sokongan perwakilan walaupun tiada usul dibentangkan.

Ini mungkin kerana menjelang perhimpunan Dr Mahathir sendiri menyatakan beliau tidak mahu usul seperti itu dibentangkan kerana tidak mahu dituduh UMNO tidak demokratik.

Menjelang perhimpunan desas-desus mengatakan kononnya majoriti ahli mahukan reformasi kepimpinan bahkan media asing menjangka satu usul undi tidak percaya terhadap Dr Mahathir akan dibentangkan melalui suatu usul tergepar.

Tetapi hasil perhimpunan mencerminkan perwakilan menyedari kegawatan ekonomi memerlukan kestabilan politik dan mereka tidak mahu politiking berlebihan menjejaskan tumpuan parti dan kerajaan dalam mengatasi masalah ekonomi.

Bagaimanapun semasa perbahasan usul para perwakilan menekankan bahawa UMNO sebagai pergerakan massa tidak harus mengabaikan kepentingan rakyat bawahan dalam keghairahan memperjuangkan program yang canggih dan glamour seperti melahirkan korporat Melayu dan projek-projek besar.

Sementara mereka menyedari pentingnya UMNO melahirkan golongan korporat Bumiputera, mereka tidak mahu parti itu melupakan rakyat bawahan terutama ketika kegawatan ekonomi.

Mereka menuntut syarikat-syarikat gergasi Bumiputera menunjukkan tanggung jawab sosial yang lebih membantu usahawan-usahawan kecil dan tidak membolot semua peluang perniagaan melalui anak syarikat mereka.

Satu lagi yang nyata daripada perhimpunan ini ialah para perwakilan dan ahli UMNO menunjukkan keyakinan baru terhadap iltizam dan kebolehan pucuk pimpinan parti dan kerajaan dalam menangani kegawatan ekonomi.

Semasa perbahasan usul ekonomi dan ucapan dasar presiden, banyak cadangan dan ide untuk menangani kegawatan ekonomi telah dikemukakan termasuk supaya kerajaan menubuhkan sebuah badan pemantau kesihatan ekonomi negara dan melaksanakan Amanah Saham Hartanah.

Wakil Wanita UMNO, Hajah Sharifah Aminah Syed Mohamad, berkata badan pengawas itu hendaklah dianggotai oleh ahli ekonomi yang boleh menasihati kerajaan tentang strategi serta langkah seterusnya dalam menangani kegawatan ekonomi.

Sebagai parti Islam terbesar, Wanita UMNO mahu nilai-nilai ekonomi dan kewangan Islam diterapkan ke dalam ekonomi negara dengan secara lebih tegas dan meluas untuk mengukuhkan ekonomi negara.

Wakil dari Kedah, Datuk Badruddin Amiruldin mahu institusi kewangan tempatan yang kini mengenakan pelbagai syarat ketat serta kadar faedah yang terlalu tinggi bagi setiap pinjaman dan bersikap seperti "IMF" membantu memulihkan ekonomi dengan membantu para peniaga dan usahawan kecil.

--BERNAMA

ZKS oba